



06 MAY, 2025

Ambil iktibar gangguan tenaga di 2 negara Eropah

Harian Metro, Malaysia

Kuching: Insiden gangguan tenaga yang berlaku di dua negara Eropah minggu lalu harus dijadikan iktibar untuk Malaysia melaksanakan tenaga boleh diperbaharui.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Fadillah Yusof berkata, Malaysia, khususnya Semenanjung, perlu memastikan keterjaminan bekalan elektrik dengan tidak memberi fokus hanya kepada tenaga solar sebagai sumber alternatif.

Beliau berkata, keadaan di Semenanjung berbeza dengan Sarawak kerana di wilayah itu, tiada sumber air yang banyak untuk menjana tenaga hidro.

"Di Semenanjung, ma-

Ambil iktibar gangguan tenaga di 2 negara Eropah

sih berlaku ketidakstabilan untuk memastikan keselamatan bekalan elektrik kerana bekalan air tidak mencukupi dan mereka sangat bergantung kepada tenaga solar yang hanya bertahan empat hingga lapan jam.

"Ini cabaran yang dihadapi untuk membekalkan tenaga diperbaharui yang mencukupi malah Eropah baru-baru ini, berdepan masalah kerana ketidakstabilan talian penghantaran sehingga berlaku gangguan bekalan tenaga berskala besar di Sepanyol

dan Portugal," katanya.

Beliau yang juga Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (Petra) berkata demikian ketika berucap pada majlis sambutan Aidilfitri 2025 anjuran Ikhwan Masjid Bintangor dan Haji Taha (MBHT), di sini, kelmarin.

Fadillah berkata, di Sarawak, keadaan berbeza kerana Premier Tan Sri Abang Johari Abang Openg mempunyai agenda dalam perjuangannya untuk mempelbagaikan sumber tenaga boleh diperbaharui.